



# KENYATAAN MEDIA

*Untuk Siaran Segera*

## CIDB Malaysia dan PERKESO Meterai MoU Tingkatkan Peluang Latihan dan Penempatan Pekerjaan dalam Sektor Pembinaan

Program PenjanaKerjaya PERKESO biayai latihan dan penempatan pekerja di dalam sektor pembinaan untuk pekerja yang diambil bekerja mulai 5 Jun 2020

1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bertujuan memeterai kerjasama dalam pelaksanaan latihan dan penempatan pekerjaan dalam sektor pembinaan.
2. Melalui MoU ini, PERKESO akan membiayai latihan reskilling dan upskilling yang akan dilaksanakan oleh CIDB Malaysia menerusi Program PenjanaKerjaya, bukan sahaja untuk **pencarum PERKESO yang kehilangan pekerjaan** tetapi juga kepada **semua pekerja yang diambil bekerja mulai 5 Jun 2020**, termasuk lepasan ijazah/sekolah, pekerja yang diberhentikan kerja dan juga penganggur. Bagi pekerja yang diberhentikan kerja, mereka tidak dikenakan apa-apa syarat tetapi majikan tidak layak menuntut insentif pengambilan (hiring incentive) sekiranya menggaji semula mereka untuk bekerja di syarikat yang sama.
3. CIDB pula berperanan menyediakan latihan dalam pelbagai bidang yang relevan kepada industri pembinaan selain mendapatkan penempatan yang sesuai untuk mereka yang telah dilatih.
4. CIDB, menerusi **Akademi Binaan Malaysia (ABM)** dan juga **CIDB Technologies** menyediakan latihan kemahiran dalam pelbagai bidang pembinaan seperti kerja-kerja binaan, operasi kren, mekanikal / elektrik, welding, operasi jentera berat, kimpalan dan sebagainya. Selain latihan kemahiran, CIDB turut menawarkan latihan dalam bidang penyeliaan dan pengurusan, pemasangan komponen Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan penggunaan Building Information Modelling (BIM).

5. Latihan-latihan yang dilaksanakan oleh CIDB adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk memperkasakan **Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)** bagi meningkatkan kompetensi kemahiran dan kebolehpasaran belia dan pekerja binaan mahir tempatan. Sehingga kini, CIDB telah melatih seramai **146,357 belia** dan **272,008 pekerja binaan** dalam pelbagai bidang kemahiran berimpak tinggi bagi memenuhi keperluan guna tenaga kerja industri pembinaan negara.

6. Bagi mempertingkatkan kebolehpasaran dan kesesuaian para graduan, CIDB telah memperkenalkan **Program Perantisan Industri Pembinaan**. Di bawah program ini, seramai **4,176 perantis** telah ditempatkan bersama pemain industri sebagai pendedahan awal mereka kepada persekitaran kerja sebenar. Daripada jumlah ini, laporan tracer study CIDB mendapati seramai **90% perantis telah diserap bekerja dalam sektor pembinaan**.

7. CIDB, dengan kerjasama PERKESO sedang mengumpulkan maklumat kekosongan jawatan daripada syarikat-syarikat kontraktor untuk diisi oleh mereka yang telah dilatih di bawah program ini.

8. Sementara itu, sejak Portal Pekerjaan Negara **MyFutureJobs** dilancarkan pada **15 Jun 2020 sehingga 7 Ogos 2020**, daripada **126,969 kekosongan jawatan aktif** yang didaftarkan oleh majikan, sebanyak **6,564 kekosongan** adalah dalam sektor **pembinaan**. Daripada 6,564 kekosongan tersebut, sebanyak **3,045 atau 46.4% kekosongan adalah dalam kategori pengurusan, profesional, eksekutif dan juruteknik**, manakala selebihnya dalam pelbagai kategori pekerjaan lain, dari perkeranian hingga pekerjaan asas.

9. Sebagai permulaan kerjasama, **PERKESO, CIDB dan semua 560 majikan yang telah mendaftar dengan Program PenjanaKerjaya**, sedang menyusun **program latihan yang besesuaian kepada 1,181 pekerja yang telah diambil bekerja di bawah Program tersebut**. Yuran latihan akan ditanggung oleh PERKESO dan pekerja yang mengikuti latihan akan diberi elaun menjalani latihan sebanyak RM30 sehari.

10. Majikan dinasihatkan supaya mengambil peluang insentif pengambilan sebanyak RM800 /RM1,000 yang disediakan oleh Kerajaan dengan memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia dan sama-sama bertanggungjawab meningkatkan kemahiran mereka.

11. Dalam kerjasama PERKESO-CIDB, adalah dicadangkan supaya sebahagian daripada **insentif pengambilan sebanyak RM800/RM1,000 dibayar sebagai tambahan kepada (on top of) gaji minima pekerja untuk tempoh 12 bulan.** Sebagai contoh, sekiranya gaji minimum pekerja adalah RM1,200 sebulan, gaji yang dibayar kepada mereka adalah di antara RM1,600 hingga RM1,700 (RM1,200 + RM400 / RM500) sebulan. Ini adalah untuk **menarik minat dan mengurangkan kadar turn-over di kalangan pekerja tempatan** dalam industri pembinaan.

12. Jalinan kerjasama ini juga menggalakkan semua kontraktor dan pekerja yang berdaftar dengan CIDB untuk berdaftar dengan PERKESO dan seterusnya menawarkan jawatan kosong di Portal MYFutureJobs. Ianya turut membuka peluang bagi perkongsian maklumat dan kepakaran yang berkaitan yang diperlukan oleh industri menerusi pengumpulan data majikan dan pekerja sektor pembinaan.

13. MoU ditandatangani oleh **Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed** dan **Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid.** Majlis disaksikan oleh **Menteri Kanan (Infrastruktur) Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Hj Fadillah Bin Hj Yusof** serta **Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan.**

**KUALA LUMPUR**

**11 OGOS 2020**

---

#### **Mengenai CIDB Malaysia**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

#### **Mengenai PERKESO**

*Ditubuhkan pada 1971, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah sebuah agensi Kementerian Sumber Manusia yang menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017. Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial PERKESO adalah berteraskan konsep tanggungjawab bersama menerusi sumber terkumpul, perkongsian risiko dan penggantian pendapatan.*

---